

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

NO. SOALAN : 36

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menyelesaikan masalah bekalan air bersih di kawasan Sepanggar yang mana masih terdapat beberapa kawasan yang belum mendapatkan bekalan air bersih walaupun kawasan berhampiran bandar.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada masa kini sedang melaksanakan dua (2) buah projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Parlimen Sepanggar di bawah RMK-11.

Projek yang dimaksudkan adalah, Projek Bekalan Air Luar Bandar Kg Kokol dan Kawasan Sekitarnya, Menggatal Sabah, termasuklah Kg Togung, Kg Naalap, Kg Sinompuru, Kg keliangau dan Kg Kembirian. Projek ini dianggarkan bernilai RM37.5 juta dan akan memberikan bekalan air bersih dan terawat kepada 1,000 unit rumah. Status terkini pelaksanaan projek adalah di dalam proses rekabentuk oleh perunding yang dilantik.

Seterusnya adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar Kg Poring-Poring dan Kawasan Sekitarnya, Menggatal, Sabah, termasuklah Kg Sinagang, Kg Bambang Baru, Kg Tombongan, Kg Babagan Toki, Kg Kolonsunan dan Kg Kiang Lama. Projek ini

dianggarkan bernilai RM 48 juta dan dijangka memberikan bekalan air bersih dan terawat kepada 500 unit rumah. Status terkini pelaksanaan projek ini adalah di dalam proses rekabentuk oleh perunding yang dilantik.